

## MODALITI DALAM WARKAH-WARKAH SOSIAL MELAYU ABAD KE-17 HINGGA KE-19: EKSPRESI SIKAP, HUBUNGAN DAN KUASA

Muhammad Hisyam Haliah,<sup>1</sup> Ab. Razak Ab. Karim<sup>2</sup>

<sup>12</sup>Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu  
*Universiti Malaya*  
hisyam@dbp.gov.my & abrazak@um.edu.my

### ABSTRAK

Makalah ini membincangkan kewujudan aspek modaliti sebagai satu unsur wacana dalam komunikasi warkah sosial Melayu. Menurut Fairclough (1992, p. 75), aspek nahu penting dalam analisis wacana yang biasanya dihubungkan dengan unsur klausa yang dapat memerikan makna ideasional, interpersonal dan tekstual sekali gus menyerlahkan kewibawaan pewacana. Oleh sebab itu, penghuraian aspek nahu dalam wacana sering kali melibatkan peranan modaliti. Namun begitu, huraian modaliti bahasa Melayu yang ada kurang menonjolkan makna interpersonal sebaliknya hanya menumpukan aspek ideasional. Dengan berlandaskan model Konsepsi Wacana Tiga Dimensi oleh Fairclough (1992), fungsi interpersonal modaliti terserlah apabila pengaplikasiannya menghubungkan sikap pewacana terhadap hubungan sosial yang ingin diwujudkan antara pemeran. Analisis 21 pucuk warkah bersifat empirik kerana perbincangan berdasarkan data yang terkandung dalam teks. Selaras dengan pendekatan kualitatif, penghuraian data adalah deskriptif. Proses dimulakan dengan mengenal pasti kekerapan jenis modaliti sekali gus menentukan sikap-sikap pewacana. Seterusnya, pentafsiran modaliti dihubungkan dengan darjah keintiman hubungan sosial antara pengirim dengan penerima warkah sama ada bersifat formal, rapat, hormat atau berjurang. Dapatan analisis memperlihatkan hubungan yang saling erat antara proposisi dan modaliti. Modaliti mengekspresikan sikap pengirim terhadap perkara yang dibangkitkan sama ada sebagai kehendak, keupayaan, keizinan atau kepatutan sebagai ujaran yang perlu diberikan perhatian (informasi) atau tindakan susulan (perintah) oleh penerima warkah. Fungsi utamanya sebagai perintah dan informasi membangkitkan sikap dan autoriti pengirim terhadap ujarannya.

**Kata kunci:** modaliti, warkah sosial Melayu, Konsepsi Wacana Tiga Dimensi, fungsi interpersonal, bentuk sikap

### PENDAHULUAN

Menurut Ab. Razak Ab. Karim (2006, p. 22), warkah sosial ialah warkah yang dihantar oleh raja, pembesar ataupun orang-orang tertentu kepada orang lain untuk meminta bantuan, tentang hal-hal peribadi, perdagangan, perniagaan atau sebagainya. Warkah sosial mempunyai struktur yang berlainan dengan warkah perjanjian. Warkah sosial lebih bersifat umum dan mengemukakan hal peribadi kepada penerima dan tidak melibatkan banyak perkara rahsia. Tambah beliau, ada beberapa komponen utama struktur warkah seperti kepala surat, cap, kata puji-pujian, kandungan, prapenutup dan penutup. Kewujudan warkah sosial Melayu sebagai medium komunikasi yang berlingkungan antara masyarakat Melayu atau dengan pihak asing membawa dimensi baharu memperkenalkan *weltanschauung* masyarakat Melayu. Kepelbagaian aspek dalam warkah sumber penting meneroka persekitaran politik,

ekonomi, sosial, peradaban, falsafah dan sejarah sesebuah negara. Kewujudannya seiring dengan perkembangan bahasa Melayu tinggi yang melibatkan situasi rasmi.

Sehubungan dengan itu, sebagai sumber primer yang wibawa, sesuatu kandungan warkah memperlihatkan adanya unsur kesatuan yang penting antara bahagiannya untuk menimbulkan kefahaman makna. Misalnya, wacana warkah Melayu mempunyai jaringan yang utuh antara satu ayat dengan ayat yang lain. Jalinan ini membuktikan sesuatu unsur dalam wacana bergantung pada tafsiran unsur yang lain untuk menyempurnakan dan memerihalkan maknanya (Ab. Razak Ab. Karim, 2006, p. 115). Oleh sebab itu, Fairclough (1992, p. 75) bertegas aspek nahu penting dalam analisis wacana yang biasanya dihubungkan dengan unsur klausa ataupun “ayat mudah”. Bagi Fairclough (1992, p. 75), unsur nahu atau klausa bersifat multifungsi lantaran unsur tersebut kombinasi daripada fungsi ideasional, interpersonal (identiti dan hubungan) dan makna tekstual yang menyerlahkan kewibawaan pewacana. Oleh itu, penghuraian aspek nahu dalam wacana haruslah melibatkan peranan modaliti. Namun begitu, huraian modaliti bahasa Melayu yang ada kurang menonjolkan makna interpersonal. Misalnya, huraian modaliti Asmah Haji Omar (2009) hanya menjelaskan penggunaan unsur modaliti berasaskan ciri suasana terhadap perbuatan atau keadaan yang dirujuk oleh kata kerja leksikal. Suasana atau situasi yang dinyatakan Asmah Haji Omar (2009) ialah aspek ideasional modaliti tetapi masih mempunyai perkaitan dengan sikap yang ingin diutarakan pewacana.

Analisis modaliti dari aspek makna interpersonal dapat memerikan sistem modaliti, iaitu memberikan makna tentang sikap penutur terhadap apa-apa yang dilontarkannya, yakni kebenaran daripada pernyataan yang diluahkan menerusi ayat (Simpson, 1993, p. 39). Interpersonal yang merangkumi hubungan sesama manusia meliputi kebolehan pewacana menerapkan modaliti untuk menghasilkan pernyataan autoriti, membuat persoalan, memberikan balasan dan membalas sifat empatik kepada khalayaknya. Perkara ini menjadi inti pati terhadap perhubungan sosial yang baik. Menurut Fairclough (1992, p. 158), “*This is sphere of modality, the dimension of the grammar of the clause which corresponds to the ‘interpersonal’ function of the language*”. Baginya, fungsi interpersonal modaliti terserlah apabila pengaplikasiannya menghubungkan sikap pewacana terhadap hubungan sosial yang ingin diwujudkan antara pemeran. Hal ini dapat dilihat dalam petikannya:

*“Modality... the objective is to determine patterns in the text in the degree of affinity expressed with propositions through modality. A major concern is to assess the relative import of modality features for (a) social relations in the discourse and (b) controlling representations of reality...”* (Fairclough, 1992, p. 236)

Kehadiran modaliti dalam warkah seperti dalam wacana-wacana yang lain, iaitu mewakili tanggapan dan sikap pewacana terhadap pernyataan yang dilontarkannya. Setiap ujaran atau pernyataan dengan modaliti penting terhadap perkembangan persekitaran politik, ekonomi, sosial dan peradaban sesebuah negara. Hal ini dikatakan demikian kerana kehadiran modaliti dalam wacana diperlihatkan dari dua sudut tujuannya, iaitu secara ideasional dan interpersonal. Oleh hal yang demikian, makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti kepelbagaian unsur modaliti dalam wacana warkah sosial Melayu. Seterusnya, unsur modaliti

tersebut dihuraikan dan dikaitkan dengan hubungan interpersonal dan kuasa antara pemeran berdasarkan matlamat perutusan sesepucuk warkah.

## SOROTAN KAJIAN

Menurut Rivero (1975, p. 210), beberapa tokoh aliran klasik menegaskan bahawa terdapat dua komponen makna dalam binaan sesuatu ayat, iaitu proposisi (merujuk isi kandungan dalam ayat) dan modaliti (merujuk persembahan penutur dalam ayat). Bagi beliau, modaliti memperlihatkan keadaan fikiran atau hati penutur terhadap komponen proposisi. Pengklasifikasian modaliti oleh aliran klasik itu dipertahankan oleh aliran moden. Misalnya, Lyons (1976) mengatakan bahawa proposisi merujuk kategori leksikal (kata nama, kata kerja) manakala modaliti merujuk kategori nahu (kala, aspek suasana) sebagai konstituen utama dalam ayat. Penutur dapat mengekspresikan sikap terhadap lontarannya seperti menyatakan hubungan antara masa dengan peristiwa yang dirujuk dan peristiwa yang akan berlaku, mungkin berlaku atau perlu berlaku. Bagi Halliday (1976) pula, kajian modaliti sebagai komponen fungsional, iaitu makna yang bersangkutan dengan kemungkinan dan keperluan yang dizahirkan dengan menggunakan nahu melalui pilihan daripada sistem modus. Modaliti mempunyai dua fungsi, iaitu sebagai fungsi interpersonal dan ideasional. Modaliti dari sudut interpersonal memperlihatkan penilaian penutur mengaitkan sikap atau tanggapannya terhadap penghasilan ujaran. Baginya, modaliti sebagai penilaian pelbagai kemungkinan dalam satu skala yang merangkumi kemungkinan (boleh, dapat, mungkin), keberangkalian (akan), kepastian (mesti, akan) dan hampir pasti (perlu).

Dari sudut analisis wacana, Palmer menerusi kajiannya, *Mood and Modality* (1993, p. 58), mengakui pentingnya modaliti dalam wacana sebagai satu cara pemeran mengekspresikan pendapat atau sikap atau cara sebenar mereka berinteraksi antara satu sama lain. Beliau membahagikan modaliti berdasarkan makna atau fungsinya, iaitu epistemik, deontik dan dinamik. Modaliti yang mengambil kira status pernyataan yang menggambarkan situasi daripada ujaran tersebut membezakan bentuk penilaian atau pertimbangan tentang status fakta pernyataan daripada kenyataan mutlak. Perkaitan modaliti dan kuasa dalam wacana pula diperjelas oleh Fowler (1985, p.72) dalam *Power*. Baginya, modaliti sebagai sederetan alat yang menentukan sikap penutur terhadap pernyataan yang diujarkan dan memperlihatkan darjah hubungan dengan sasarannya. Kesemua sikap ini berlingkungan dalam kesahan; penutur meluahkan keyakinan yang tinggi atau rendah terhadap pernyataannya, jangkaan; peristiwa baharu yang kemungkinan tinggi akan berlaku, kebaikan; praktikal moral atau penilaian estetik, obligasi; penilaian penutur terhadap obligasi pihak lain untuk melaksanakan sebarang bentuk tindakan dan keizinan; tindakan penutur membenarkan sasaran melakukan sebarang tindakan. Menurut beliau, modaliti yang menjurus obligasi dan keizinan sangat berkait rapat dengan peranan kuasa yang wujud dalam wacana dan pewacana. Kajian modaliti Tan Joo Seng (1992) satu huraian dan analisis awal tentang sistem modaliti yang wujud dalam bahasa Melayu. Kajian modaliti terawal ini menggolongkan dan menganalisis modaliti bahasa Melayu dalam novel *Hujan Pagi* karya A. Samad Said dengan berpandukan model Modaliti dan Modulasi Halliday (1976). Sebanyak 265 sampel diperoleh yang mengandungi 12 kata modal seperti *mahu, hendak, boleh, dapat, harus, mesti, mungkin, enggan, perlu, akan, payah* dan *patut*. Menurut Tan Joo Seng (1992, p. 972), sistem modaliti bahasa Melayu merangkumi dua paksi, iaitu “kebarangkalian” dan “kepastian (kepatutan,

keharusan, keperluan)” yang mewakili dua titik penilaian pelbagai kemungkinan dalam satu skala. Melaluinya, penutur dapat memberikan tanggapan terhadap kemungkinan tesis yang diujarkannya. Baginya, penentuan komponen makna modaliti dipengaruhi oleh lingkungan semantik dan wacana.

Idris Aman (2001) dalam kajian *Wacana dan Kepimpinan: Satu Analisis Terhadap Perutusan Perdana Menteri Mahathir Mohamad* menegaskan bahawa fungsi interpersonal bahasa dapat dihuraikan melalui aspek modaliti. Berpandukan kerangka analisis wacana kritis oleh Fairclough (1992), baginya, modaliti manifestasi darjah kemesraan dalam konteks hubungan sosial antara pewacana dan khalayak apabila sikap atau kuasa sesuatu ujaran dapat mentafsirkan hubungan sosial yang wujud. Oleh sebab itu, pemanfaatan nahu modaliti permintaan obligasi (*harus, perlu, hendak, mesti boleh, patut*) oleh Mahathir Mohamad adalah untuk memperlihatkan kesungguhan dan keseriusan beliau memimpin dan membina perpaduan dengan khalayak rakyatnya. Idris Aman merumuskan bahawa pola penggunaan modaliti oleh pewacana dapat dikaitkan secara dialektik dengan amalan kepimpinan orientasi khalayak. Kajian wacana yang memperagakan identiti pewacana, iaitu *Bahasa dan Identiti: Analisis Wacana Umno Najib Razak* oleh Rohaidah Haron (2012) menerapkan penganalisan wacana tiga dimensi untuk menelusuri peranan sosial dalam masyarakat berlandaskan dimensi kewacanaan, teks dan identiti pewacana tersebut. Misalnya, analisis nahu modaliti adalah untuk menjelaskan identiti pengunggulan Melayu dan kepimpinan UMNO. Baginya, modaliti yang dikaitkan dengan kuasa dalam wacana dapat menilai darjah hubungan sosial dan realiti sekatan sosial, terutamanya melibatkan kuasa. Penggunaan modaliti tertentu (*mesti, perlu, harus, hendak, mahu*) dapat menggerakkan tindakan khalayak bergantung pada mesej yang dihajatkannya.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian ini melibatkan kaedah analisis teks, iaitu penyelidikan secara langsung terhadap teks kajian. Penganalisan teks berlandaskan beberapa perancangan, iaitu pemilihan dan pengumpulan data, pendekatan analisis data dan proses penganalisan data. Pemilihan warkah sosial Melayu daripada sumber sekunder, iaitu dua buah buku yang membicarakan warkah-warkah Melayu. Sepucuk surat diperturunkan daripada buku *Golden Letters: Writing Traditions of Indonesia* oleh Gallop (1991) dan 20 pucuk surat daripada buku *The Legacy of The Malay Letters* juga oleh Gallop (1994). Paparan warkah-warkah bertulisan Jawi sebagai naskhah asal dalam kedua-dua buah buku tersebut telah dimuatkan dengan transliterasi dalam bahasa Melayu atau tulisan rumi. Pemilihan warkah Melayu sebagai bahan kajian bertitik tolak daripada keistimewaannya sebagai satu genre tersendiri berdasarkan bentuk, teknik dan kandungan yang membezakan warkah Melayu daripada teks-teks yang lain (Ab. Razak Ab. Karim, 2006, p. 112-113).

Selaras dengan pendekatan kualitatif yang digunakan, penghuraian data adalah deskriptif, iaitu analisis berasaskan kerangka Konseptual Wacana Tiga Dimensi (Fairclough, 1992). Analisis ditumpukan terhadap perenggan, gugusan ayat dan leksikal dalam wacana warkah. Proses analisis data bermula dengan menentukan dan mengenal pasti kekerapan jenis modaliti yang dimanfaatkan. Meskipun kajian ini bukanlah bersifat kuantitatif, namun, pertimbangan kuantitatif harus dilihat sebagai keutamaan awal kajian. Seperti yang ditegaskan oleh Fairclough (1992, p. 236), “*What sort of modalities are most frequent? Are*

*modalities predominantly subjective or objective?* Oleh hal yang demikian, analisis modaliti wacana warkah mempertimbangkan kaedah tersebut yang seterusnya diperkembang Idris Aman (2006, p. 161-162). Dengan itu, modaliti yang diaplikasikan dapat menentukan sikap-sikap pewacana. Seterusnya, pentafsiran makna tersirat penggunaan modaliti dapat menggambarkan darjah hubungan sosial antara pengirim dengan penerima warkah sama ada bersifat formal, rapat, hormat atau berjurang.

## KERANGKA TEORI

Kajian ini satu usaha menerapkan kerangka analisis wacana oleh Fairclough (1992&1995) dengan tumpuan utama terhadap dimensi tekstual, khususnya aspek nahu. Seterusnya, hanya satu aspek nahu yang difokuskan, iaitu modaliti. Menurut Fairclough (1995, p. 54), wacana ialah penggunaan bahasa lisan atau tulisan dan segala amalan semiotik (amalan yang memberikan makna tertentu) seperti fotografi dan komunikasi non-verbal. Baginya, wacana haruslah dilihat dengan praktis sosial kerana wacana satu cara tindakan, iaitu manusia mungkin melakukan tindakan kepada orang lain sebagai representasinya. Untuk mencapai matlamat itu, Fairclough (1992, p. 72) memperkenalkan pendekatan Konseptual Wacana Tiga Dimensi dengan membawa tiga tradisi analitikal yang saling memerlukan dalam tujuan analisis. Menurut Fairclough (1995, p. 97), wacana tiga dimensi mengesyorkan penganalisan wacana secara bersepadu dan serentak menerusi aspek (i) tekstual (ii) amalan wacana dan (iii) praktis sosial. Menurut beliau lagi, wacana tiga dimensi dihubungkan secara langsung dengan kaedah analisis wacana tiga dimensi seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 1: Aras Analisis Wacana Tiga Dimensi Fairclough (1992:1995)

<b>Dimensi Wacana</b>	<b>Analisis Dimensi Wacana</b>
Teks	Aspek pemerihaln teks
Amalan Wacana	Aspek pentafsiran hubungan antara proses wacana dan teks
Praktis Sosial	Aspek penjelasan hubungan antara proses wacana dan proses sosial

(Sumber: Dipetik dan diubahsuaikan daripada Fairclough (1995, p. 97)

Berdasarkan jadual 1 di atas, terdapat tiga proses bagi analisis wacana tiga dimensi yang terlibat, iaitu pemerihaln, pentafsiran dan penjelasan. Aspek pemerihaln untuk merungkai dan mengeluarkan bentuk-bentuk yang mendasari sesebuah teks. Aras pentafsiran memperlihatkan cara wacana tersebut dihasilkan, disebarkan dan digunakan dalam khalayak pengguna wacana. Aras penjelasan pula memperlihatkan kecenderungan sesebuah wacana diaplikasikan oleh penggunanya. Analisis wacana oleh Fairclough (1992) menuntut tiga aras utama, iaitu aras dimensi tekstual, dimensi amalan wacana dan dimensi praktis sosial. Namun, bagi kajian ini, tumpuan hanya menfokuskan dimensi tekstual dan dikhususkan terhadap nahu modaliti.

Analisis dimensi tekstual memerihalkan bentuk dan makna teks yang dilakukan pada tahap mikro amalan wacana. Fairclough (1992, p. 76) mengemukakan analisis empat bentuk

atau sifat tekal teks yang boleh dimanfaatkan, iaitu struktur teks, kohesi, nahu dan leksikalisasi. Misalnya, kepentingan peranan nahu dalam wacana dijelaskan Fairclough (1992, p. 75) sebagai unsur multifungsi. Hal ini dikatakan demikian kerana unsur tersebut kombinasi daripada fungsi ideasional, interpersonal dan makna tekstual yang menyerlahkan kewibawaan pewacana. Perkara yang sama juga diutarakan oleh Halliday (1985, p. 30), iaitu “*is a more advanced account of a form of grammar particularly useful in discourse analysis.*” Tegasnya, analisis teks yang tidak bersandarkan pada aspek nahu hanyalah sebagai ulasan terhadap teks semata-mata. Bagi tujuan itu, Fairclough (1992, p. 75) menyatakan bahawa penghuraian aspek nahu melibatkan tiga elemen utama, iaitu ketransitifan, tema dan modaliti. Misalnya, penerangan modaliti seperti yang tertera di bawah:

### *Modaliti*

Modaliti yang terangkum dalam sebahagian ciri nahu wacana sering kali dapat menghuraikan fungsi interpersonal bahasa atau wacana (Fairclough, 1992, p. 75). Modaliti manifestasi darjah kemesraan dalam konteks hubungan sosial antara pewacana dan khalayak. Melalui penggunaan modaliti tertentu, sikap atau kuasa sesuatu ujaran dapat mentafsirkan hubungan sosial yang wujud. Dalam sebarang ujaran pernyataan, penutur akan mempamerkan darjah “ketertarikan” terhadap bentuk pernyataan sekali gus sebarang ujaran mempunyai pemilikan modaliti atau modalisasi. Oleh itu, modaliti dalam nahu berasosiasi dengan modaliti ragam seperti mesti (*must*), boleh (*may*), boleh (*can*), perlu (*should*) serta sesetengahnya *tense* seperti kebarangkalian (*probably*), kemungkinan (*possibly*) dan kepastian (*definitely*). Modaliti juga bertindak sebagai titik pertemuan dalam wacana antara signifikan realiti dan hubungan sosial. Modaliti sebagai dimensi utama wacana dan lebih bersifat menyeluruh berbanding dengan fungsi konvensinya. Sifat modaliti yang mampu dipersoalkan dan terbuka kepada sebarang bentuk perubahan menyerlahkan kepentingan sosialnya (Fairclough, 1992, p. 160).

Oleh hal yang demikian, yang menjadi tumpuan ialah jenis modaliti yang kerap diaplikasikan sama ada modaliti tersebut bersifat subjektif atau objektif (Fairclough, 1992, p. 236). Fairclough (1992, p. 236) menegaskan fungsi interpersonal dan ideasional modaliti bermula dengan mengenal pasti kedominan jenis modaliti yang dimanfaatkan pengirim warkah. Cara tersebut dapat memberikan gambaran sikap atau perasaan menerusi penggunaan modaliti tertentu. Seterusnya, jenis modaliti itu akan dikaitkan dan diinterpretasikan dengan darjah hubungan sosial yang wujud antara pengirim dan penerima warkah yang mempengaruhi kelangsungan wacana yang dihasilkan.

### **MODALITI DALAM WARKAH-WARKAH SOSIAL MELAYU**

Dalam warkah sosial Melayu, sesuatu ayat atau teks yang dihasilkan memperlihatkan hubungan yang saling erat antara proposisi dan modaliti. Hal ini dikatakan demikian kerana modaliti dikaitkan dengan cara pengirim mengekspresikan suasana atau sikap terhadap pernyataan yang dibangkitkan dalam kandungan ayat. Dengan penggunaan modaliti, pengirim dapat menjelaskan perkara atau peristiwa yang melibatkan kehendak (*hendak, mahu*), keupayaan atau keizinan (*boleh, dapat*), kepatutan (*patut*), kemungkinan (*mungkin*) atau kemestian (*mesti*) sebagai ujaran yang perlu diberikan perhatian atau tindakan susulan oleh penerima warkah.

Sehubungan dengan itu, analisis terhadap warkah-warkah sosial Melayu memperlihatkan pemanfaatan modaliti sebanyak 108 kali. Jumlah tersebut daripada lima modaliti yang kerap atau dominan diaplikasikan. Modaliti-modaliti seperti *hendak*, *mahu*, *boleh*, *dapat* dan *patut* mentafsirkan makna ujaran oleh pengirim, iaitu sultan atau raja, pembesar, kerabat, saudagar dan pegawai Belanda. Dari segi kekerapan, kata modal *hendak* menunjukkan penggunaan tertinggi, iaitu sebanyak 51 kali atau 47.2 peratus dan diikuti oleh pengaplikasian modaliti *boleh* sebanyak 34 kali (31.5). Seterusnya, disusuri oleh modaliti *patut* sebanyak 11 kali (10.2). Kemudian, diikuti oleh modaliti *mahu* 8 kali (7.4) dan 4 kali (3.7) bagi kata modal *dapat* (Lihat jadual 1).

Dari segi bentuk penggunaannya, modaliti-modaliti tersebut boleh hadir dalam variasi bentuk tertentu bersesuaian dengan sifat atau sistemnya yang kompleks (Palmer, 1993, p. 14). Misalnya, modaliti *boleh* dan *patut* dipadankan dengan bentuk kata nafi *tiada* sebelumnya untuk menunjukkan keadaan atau situasi negatif. Di samping itu, penggunaan partikel *-lah* yang digandingkan dengan modaliti *hendak* dan *dapat* menimbulkan ujaran yang lebih lembut bunyinya. Begitu juga dengan gandingan harmoni awalan *se-* dan enklitiknya *-nya* pada modaliti tertentu.

Jadual 1: Jumlah Kekerapan Modaliti dalam Warkah Sosial Melayu

Modaliti	(%)	Fungsi			
		Perintah		Informasi	
		Permintaan	Pengetahuan	Keupayaan	Keizinan
<b>hendak*</b>	51 (47.2)	29	22	-	-
<b>mahu*</b>	8 (7.4)	-	8	-	-
<b>boleh*</b>	34 (31.5)	11	-	17	6
<b>dapat*</b>	4 (3.7)	-	-	4	-
<b>patut*</b>	11 (10.2)	11	-	-	-
<b>Jumlah</b>	108 (100)	51	30	21	6

Petunjuk

\*hadir dalam penggunaan bentuk variasi tersendiri

Berdasarkan jadual 1 di atas, kata-kata modal tersebut diaplikasikan bagi dua tujuan utama, iaitu sebagai perintah dan informasi daripada pengirim warkah kepada sasarannya. Hal ini selaras dengan pendapat Halliday (1985, p. 89) yang mengatakan bahawa wujud perbezaan penggunaan modaliti dalam ayat atau wacana, iaitu bagi maksud usulan (proposal) dan informasi (pernyataan). Dari sudut kuasa pula, Fairclough (2000, p. 3) menyatakan bahawa “*power exists in various modalities, including the concrete and unmistakable modality of*

*physical force.*” Oleh itu, modaliti sebagai simbol kuasa yang menggambarkan keupayaan seseorang, khususnya golongan pemerintah untuk mempengaruhi atau menentukan tindakan kepada orang lain bagi sesuatu matlamat. Hal ini dipertegas oleh Fowler (1985, p. 61), “*power that exists in modalities is the ability of people and institutions to control the behavior and material life of others.*” Walaupun perhubungan antara pemeran dalam warkah bukanlah pertemuan bersemuka, namun kehadiran unsur modaliti memperlihatkan kepekaan mereka terhadap hubungan sosial akhir yang dihajati. Kajian ini menunjukkan bahawa modaliti untuk perintah melibatkan modaliti *hendak*, *boleh* dan *patut*. Bagi tujuan informasi, empat modaliti, iaitu *hendak*, *mahu*, *boleh* dan *dapat* digunakan oleh pengirim warkah.

#### *Modaliti Perintah*

Dalam warkah sosial Melayu, modaliti perintah digunakan sebanyak 51 kali atau 47.2 peratus daripada keseluruhan modaliti. Modaliti perintah memperlihatkan ekspresi sikap pengirim menghasilkan makna ujaran berupa usulan yang harus disambut dengan tindakan susulan oleh penerima sebagai tindak balas terhadapnya. Pengirim mahukan tumpuan daripada penerima terhadap hajat yang diutarakan. Dengan itu, penggunaan bentuk imperatif ini menjurus bentuk permintaan, iaitu ujaran modaliti yang menggambarkan permintaan pengirim terhadap penerima warkah atau pihak lain yang berkaitan dengan kelangsungan warkah. Hal ini sekali gus dapat menginterpretasikan bentuk hubungan yang sedia ada atau yang baru ingin diwujudkan dengan penerima warkah dengan mengambil kira kedudukan atau kuasa yang wujud. Atas dasar inilah, modaliti perintah permintaan ini lazimnya dikaitkan dengan bentuk obligasi. Obligasi ialah sesuatu yang berorientasikan komitmen atau tanggungjawab. Bagi Fowler (1985, p. 72), obligasi ialah keadaan yang memperlihatkan penilaian penutur terhadap obligasi pihak lain untuk melaksanakan sebarang bentuk tindakan. Menurutnya lagi, obligasi memerlukan pewacana mengekspresikan sikap kepercayaannya terhadap hubungan yang akan dihasilkan. Modaliti ini menggesa penerima warkah merealisasikan usulan dengan penuh komited sebagai satu kewajiban sosial. Oleh itu, penggunaan modaliti perintah permintaan obligasi dalam kajian merangkumi modaliti *hendak*, *boleh* dan *patut*.

#### *Modaliti Hendak*

Modaliti *hendak* merujuk rasa kehendak akan perbuatan yang belum terjadi (Asmah Omar, 2009, p. 126). Modaliti *hendak* mekanisme utama dalam kebanyakan penulisan warkah ini, iaitu digunakan sebanyak 51 kali atau 47.2 peratus. Namun, kata *hendak* ini digunakan bagi dua tujuan utama, iaitu sebagai perintah dan informasi. Untuk menjelaskan maksud perintah permintaan, kata *hendak* dan variasi bentuknya (*hendaklah*, *khendaki*) hadir sebanyak 29 kali. Kesemuanya menghuraikan pernyataan yang menggambarkan keadaan pengirim memerlukan atau meminta penerima melakukan sesuatu tindakan susulan. Hal ini dapat dilihat dalam contoh petikan warkah Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light pada 4 Februari 1792 berikut:

... Maka sekarang hendaklah anak kita menyuruh orang yang kepercayaan kepada anak kita mari ke Terengganu serta membawa segala daftar kapal Kapitan Lang dengan muatannya yang dibawa ke Cina itu dan dagangan yang



ditinggalkan Kapitan Lang di Terengganu ini maka boleh kita muafakat pulaq dengan anak kita pada jalan perniagaan bagaimana pada zaman Saudagar Nasruddin supaya jangan berkeputusan antara kita dengan anak kita. Dengan sebab itulah kita khendaki anak kita beri mari orang yang tahu berbicara...  
... dan segala kapal<sup>2</sup> orang putih yang hendak mari ke Terengganu hendaklah anak kita suruh mari bagaimana selamanya...

... Maka seperti utangnya Kapitan Cina Ci Ki dua ribu rial kepada saudagar itu maka hendaklah anak kita pinta rial itu kepada Kapitan Cina Ci Ki beri mari maka daripada hal Syaudagar Mirang Kandu itu hendaklah anak kita periksa kepadanya berapa harta saudagar Nasruddin kepadanya...

Penggunaan modaliti *hendak* dalam contoh warkah di atas membayangkan bentuk permintaan oleh Sultan Mansur kepada Francis Light bagi suatu tindakan lanjut. Lebih-lebih lagi, pengutusan warkah ini teretus daripada kematian Saudagar Nasruddin. Beliau ialah individu atau wakil kepercayaan sultan yang berperanan penting dalam pengelolaan urusan perdagangan Terengganu pada waktu itu. Kematianannya merencatkan aktiviti perdagangan Terengganu. Oleh sebab itu, sultan selaku ketua negeri memainkan perannya untuk memperbetul semua urusan perdagangan dan ekonomi yang tergendala. Sultan pemimpin pada tempatnya sendiri dan puncak kuasa kepada seluruh rakyat pada zamannya. Oleh itu, penghormatan daripada rakyat memerlukan timbal balas daripada pihak sultan dengan melaksanakan pemerintahan mengikut lunas kebijaksanaan dan kecaknaan (Jelani Harun, 2017, p. xix).

Dengan itu, penggunaan modaliti *hendak* bersesuaian dengan kehendak baginda untuk melihat komitmen daripada pihak Inggeris merealisasikan permintaannya. Misalnya, idea kedua di atas memerihalkan hasrat baginda kepada Light agar segala kapal dagangan pihak Inggeris berlabuh di Terengganu seperti kelaziman. Maklumat ketiga pula memperlihatkan baginda menagih kekuasaan Light dengan meminta beliau menjadi orang tengah untuk menggesa dan memeriksa Kapitan Ci Ki dan Saudagar Mirang Kandu supaya melunaskan hutangnya dengan Saudagar Nasruddin. Dari sini dapat dilihat tanggungjawab Sultan Mansur untuk melihat aliran perdagangan Terengganu berjalan lancar seperti sediakala selain memelihara kebajikan rakyat di bawahnya. Dominannya penggunaan modaliti jenis ini juga menggambarkan sikap dan hubungan Sultan Mansur dan Light yang agak rapat dan tidak terlalu formal. Tambahan pula, Light hanya disapa dengan ungkapan “anak kita”.

#### *Modaliti Boleh*

Menurut Asmah Haji Omar (2009, p. 126), modaliti *boleh* mendukung komponen makna keupayaan atau keizinan. Dalam konteks wacana ini, modaliti *boleh* mencatatkan penggunaan kedua terbanyak, iaitu sebanyak 34 kali atau 31.5 peratus. Modaliti *boleh* juga digunakan untuk menyatakan perintah dan informasi. Untuk tujuan perintah, kata modaliti *boleh* dengan variasi bentuknya (*boleh*, *bolehnya*, *seboleh-bolehnya*) digunakan sebanyak 11 kali. Modaliti ini menghuraikan pernyataan yang menggambarkan keadaan pengirim melakukan sesuatu permintaan berdasarkan keupayaan atau keizinan yang disandarkan kepada penerima warkah

untuk merealisasikannya. Penggunaan modaliti *boleh* dalam wacana warkah-warkah sosial dapat diperhatikan daripada petikan berikut:

Surat Sultan Syarif Kasim dari Pontianak kepada T. S. Raffles di Melaka pada 22 Mac 1811.

Dan lagi kita ada kirim dua ekor orang utan di dalam tangan Kapitan s-m-y-d ini kepada sahabat kita Tuan Thomas Raffles Esquire boleh terima jua adanya...

Surat Sultan Gandam Syah Muko-Muko kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC) pada September 1733.

Kemudian daripada itu boleh Kompeni bertanya kepada Kapitan R-a-b-n-dh-y-k-n akan tempat Kompeni di dalam Muko<sup>2</sup> karena Kapitan itu sama<sup>2</sup> dengan hamba ke Bantal Teramang berdacing lada yang dibawa kapal itu. Kapitan itu ada melihat semuanya baik dan jahatnya di dalam Anak Sungai itu supaya Kompeni tahu adanya...

Sebelum mengakhiri wacana warkah Melayu, pengirim biasanya memperkatakan secara khusus tentang hadiah yang dititipkan bersama. Bingkisan itu biasanya dihantar pada peringkat permulaan hubungan mesra dua pihak (Gallop, 1994, p. 78). Oleh itu, penggunaan modaliti *boleh* dalam konteks ayat warkah pertama ialah penilaian tentang kemahuan dan harapan pengirim agar penerima dapat menerima pemberian hadiah tersebut. Misalnya, permintaan hasrat daripada Sultan Syarif Kassim agar hadiah dua ekor orang utan dapat diterima seadanya oleh Raffles. Pemberian hadiah tersebut membayangkan hubungan yang ingin diwujudkan antara mereka sama ada mesra ataupun hormat. Kesudian penerima mengambil bingkisan tersebut menandakan bahawa penerima bersetuju untuk membuka jalan komunikasi dan menyempurnakan segala kandungan yang diajukan.

Selain itu, ketertinggian kuasa dan pengaruh pihak asing memungkinkan sikap keyakinan muncul daripada orang Melayu terhadap segala tindakan dan keputusan kuasa Barat. Keyakinan tinggi pengirim terhadap keupayaan pihak Inggeris melaksanakan permintaan didorong oleh pendekatan yang lebih mesra terhadap jalan perhubungan. Seperti yang ditegaskan Hall (1979, p. 586), Leyden dan Raffles mempunyai kepercayaan yang sama tentang dasar pemerintahan Belanda di Timur yang sangat kejam. Hanya sifat keadilan, keperimanasian dan kesederhanaan corak pentadbiran British dapat memberikan kehidupan yang lebih baik kepada yang tertindas selama ini. Misalnya dalam warkah kedua, pengaruh kekuasaan pihak Inggeris dalam politik diiktiraf apabila Sultan Gandam Syah bersikap yakin terhadap ujarannya untuk membenarkan pembinaan kota batu oleh pihak Inggeris di Muko-Muko. Oleh itu, modaliti *boleh* dalam konteks ayat warkah kedua bertindak sebagai permintaan obligasi yang dituntut daripada EIC agar boleh mengesahkan kedudukannya itu melalui Kapitan r-a-b-dh-y-k-n sekali gus kelangsungan hubungan politik antara mereka terus terjalin.

Modaliti *boleh* bagi tujuan permintaan memperlihatkan bentuk obligasi yang perlu diraih oleh pengirim atau penerima warkah. Bentuk hubungan yang ingin diwujudkan melalui

kata modal *boleh* bukan hanya untuk mendapatkan sikap komitmen terhadap pemberian bingkisan hadiah semata-mata. Sebaliknya, modaliti ini meliputi keformalan hubungan yang lebih besar dan utama merangkumi keupayan, kekuasaan dan tanggungjawab penerima bertindak terhadap perkara performatif tentang masalah politik, ekonomi dan perdagangan negeri-negeri Melayu.

#### *Modaliti Patut*

Modaliti *patut* dan variasinya (*patut* dan *tiada patut*) digunakan sebanyak 11 kali atau 10.2 peratus dalam warkah. Komponen ini menggambarkan sikap pewacana terhadap tanggapannya tentang kepatutan pernyataan atau tesis yang dibuat (Tan, 1992, p. 972-973). Asmah Haji Omar (1995, p. 231) pula menegaskan kata modaliti *patut* mendukung makna “sudah pada tempatnya”. Dalam konteks wacana warkah ini, kesemua penggunaan modaliti *patut* menggambarkan keadaan atau situasi permintaan obligasi. Pemanfaatan modaliti *patut* oleh pengirim terhadap pernyataannya dapat diperhatikan seperti contoh tertera:

Surat Sultan Gandam Syah Muko-Muko kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC) pada September 1733.

... dan jikalau adakan patut di dalam pikir Kompeni akan seperti minta hamba itu baik Kompeni menaruh kota batu di dalam Muko<sup>2</sup> supaya segala hati menteri dan peruatan seju' hatinya...

Surat Tunku Baginda Raja Mahkota di Anak Sungai kepada Orang Kaya Jeneral (J.C. Collet) di Bengkulu pada 1712.

Barang tahu Orang Kaya Jeneral yang dalam negeri Bengkahulu lalu pada rial enam suku pada sebahara lada dikasih oleh gompeni kepada Tunku Baginda Raja Makota, bukan ada biaya bukan asal negeri, karena rial enam suku pada sebahara lada itu akan makanan dikasih gompeni kepada Tunku Baginda Raja Makota hendak dikaji oleh gompeni, tiada patut ialah dikasih oleh kompeni rial enam suku itu kepada Tunku Baginda Raja Makota...

Pengaplikasian modaliti *patut* di atas sebagai cara pengirim mengutarakan bentuk permintaan obligasinya. Pengirim memanfaatkan modaliti *patut* dengan rangkaian kata *jika/jikalau-patut* sebagai penegasan terhadap tindakannya agar dapat diberikan pertimbangan atau persetujuan sewajarnya oleh penerima bagi pelaksanaan lanjut. Misalnya, dalam contoh petikan pertama membicarakan harapan Sultan Gandam Syah kepada pihak EIC untuk mempertimbangkan secukupnya permintaan atau tawaran baginda supaya EIC dapat membina kota batu bagi keselamatan politik di Muko-Muko. Warkah kedua pula memperlihatkan permintaan obligasi secara nafian *tiada patut*. Modaliti ini memberikan tanggapan yang berbaur negatif atau ketidakpuasan hati oleh pengirim terhadap penstrukturan harga lada. Oleh itu, dengan budi bicara dan pertimbangan kuasa daripada JC Collect, beliau dituntut untuk tidak mengenakan harga sedemikian kepada Tunku Baginda Raja Makota.

Dari sudut hubungan interpersonal, modaliti *patut* tersebut membayangkan keseriusan, keformalan, sikap toleransi, kerjasama dan berhati-hati pengirim warkah mengutarakan permintaan kepada sasarannya. Hal ini dikatakan demikian kerana kedudukan pengirim sebagai sultan dan raja sememangnya layak untuk mengusulkan permintaan tanpa mengesampingkan kuasa dan kedudukan penerima. Situasi tersebut mungkin berlaku kerana hakikat dalam hubungan surat-menyurat, pangkat sosial, kuasa dan jawatan sebagai kendala penting yang perlu dititikberatkan oleh pemeran. Oleh itu, modaliti *patut* yang dimanfaatkan pengirim menggambarkan pandangan dan sikapnya tentang ujaran yang menjurus permintaan obligasi terhadap masalah politik dan perdagangan. Hal ini agar penerima dapat membuat pertimbangan sewajarnya berdasarkan kuasa budi bicaranya.

#### *Modaliti Informasi*

Dalam wacana warkah sosial Melayu, modaliti informasi hadir sebanyak 57 kali atau 52.8 peratus daripada jumlah keseluruhan modaliti. Modaliti informasi hanyalah sebagai satu bentuk ekspresi yang menjurus makna ujaran keterangan, pemakluman dan maklumat. Abdul Chaer *et al.* (1995) menggunakan istilah ayat deklaratif, iaitu merujuk ujaran bermotifkan pemberitahuan yang tidak memerlukan penerima melakukan sebarang tindakan susulan terhadap pernyataan tersebut. Seperti yang ditegaskan oleh Idris Aman (2006, p. 175), dalam modaliti informatif, unsur obligasi tidak wujud sama sekali. Hal ini dikatakan demikian kerana matlamat penggunaannya untuk memaklumkan khalayak semata-mata. Dalam warkah sosial ini, modaliti informasi menyalurkan maklumat melibatkan makna pengetahuan (*hendak dan mahu*), keupayaan (*boleh dan dapat*) dan keizinan (*boleh*).

#### *Pengetahuan*

Dalam warkah sosial Melayu, modaliti informasi yang menumpukan makna pengetahuan digambarkan oleh modaliti *hendak dan mahu*. Kata *hendak dan mahu* memiliki medan makna yang sama, iaitu memberikan komponen makna “kehendak” yang merujuk perasaan kehendak (*desireability*) terhadap tesis yang belum berlaku (Tan, 1992, p. 974). Kedua-dua modaliti ini diaplikasikan untuk memaklumkan penerima warkah tentang pengetahuan atau maklumat yang dianggap penting meliputi hal politik, peribadi, ekonomi dan perdagangan. Kebiasaannya, modaliti-modaliti tersebut menyatakan sikap ujaran daripada perbuatan atau tindakan yang lahir daripada pengirim, penerima mahupun pihak ketiga. Yang berikut diperturunkan beberapa contoh modaliti *hendak dan mahu* dalam warkah.

Surat Sultan Ahmad dari Terengganu kepada Baron van der Cappellen di Batavia pada 19 Mac 1824.

... maka hendak pun kita menyuruh kepada segala kantor yang lain membawa dagangan wangkang itu menjadi larangan. Dengan sebab itulah maka kita hendak menyuruhkan Juragan Man dan Wan Saleh dan Abdul Rahim dan Uthman dan Abdul Samad itu datang mendapatkan Tuan Jenderal ke Betawi...

Surat Sultan Mansur Riayat Syah dari Terengganu kepada Gurnadur, Francis Light pada 4 Februari 1792.

Adalah khabarnya Siam itu maka daripada hal Siam pada tahun ini adalah kita menghantarkan bunga emas maka ia tiadalah mahu terima serta dikhendaknya yang tiada patut maka kita pun tiadalah terturut seperti maksud Siam itu melainkan kita serahkan kepada Allah semata<sup>2</sup> mana yang diperintahkan inilah yang berlaku...

Kesemua contoh di atas memperlihatkan peranan modaliti *hendak* dan *mahu* untuk menyalurkan makna ujaran pengetahuan melibatkan perkara yang ditimbulkan pengirim sebagai respons terhadap tindakan daripada penerima atau pihak lain. Sebagai contoh dalam warkah pertama, modaliti *hendak* oleh Sultan Ahmad memaklumkan Baron van der Capellen bahawa kemahuan atau titahnya kepada wakil untuk membawa dagangan akhirnya ditegah dalam perjalanan. Dengan sebab itu, baginda *hendak* menitahkan Juragan Man, Wan Saleh, Abdul Rahim, Uthman dan Abdul Samad ke Betawi berjumpa dengan Baron van der Capellen untuk mengadakan perbincangan dan mendapatkan kuasa kebenaran daripada beliau. Modaliti tersebut sekali gus memperlihatkan pemusatan autoriti mutlak oleh Sultan Ahmad mengarah rakyat bawahan baginda sehingga ke Betawi. Di samping itu, pernyataan dengan modaliti tersebut juga menggambarkan bahawa wujudnya hubungan dua hala yang baik antara Sultan Ahmad dan Baron van der Capellen.

Dalam warkah kedua, modaliti *mahu* dimanfaatkan secara nafian sebagai *tiadalah mahu*. Modaliti tersebut memerihalkan ujaran yang bersifat pemberitahuan daripada Sultan Mansur Riayat Syah kepada Francis Light tentang sikap Siam yang tidak mahu menerima pemberian bunga emas lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana penghantaran ufti bunga emas oleh negeri Terengganu, Kelantan dan Kedah sering kali dikaitkan sebagai pengiktirafan kuasa kepada Siam. Seperti yang ditegaskan Abdullah Zakaria (2008, p. 5), kerajaan Siam mendakwa Kedah, Kelantan dan Terengganu negeri di bawah naungannya. Bukti kekuasaan itu dimanifestasikan dengan pemberian bunga emas setiap tiga tahun sekali. Oleh sebab itu, pendirian Siam tersebut mengkusarkan Sultan Mansur terhadap survival politik antara Terengganu dan Siam. Dengan sebab inilah, perkara ini perlu dimaklumkan bagi pengetahuan Francis Light.

#### *Keupayaan*

Modaliti informasi dengan makna keupayaan dilihat daripada dua modaliti, iaitu modaliti *boleh* dan *dapat*. Seperti yang ditegaskan oleh Tan (1992, p. 974), kata modal *boleh* dan *dapat* mempunyai komponen makna “keupayaan” yang membayangkan kebolehan atau keupayaan terhadap pernyataan yang diujarkan. Hal ini juga diperakui oleh Asmah Omar (2009, p. 127) bahawa modaliti *dapat* hanya mempunyai komponen makna keupayaan dan hanya boleh menggantikan modaliti *boleh* “keupayaan”. Kedua-dua modaliti ini penting untuk menggambarkan sikap pengirim terhadap pernyataan yang melibatkan sifat keupayaan dan kekuasaan pihak-pihak tertentu bagi sesuatu tindakan. Yang berikut diperturunkan beberapa contoh modaliti *boleh* dan *dapat* dalam warkah sosial Melayu:

Surat Saudagar Rahsia Raja Kelantan kepada Gubernur Pulau Pinang pada 23 Jamadilawal 1209.

... maka akan harga ladapun boleh beta tolong bicarakan beri kurang sedikit daripada harga Trengganu itu hingga setahun dua beri bebas akan Tuan Sennyur jikalau suka Tuan Sennyur hendak beri mari kapal. Minta Tuan Sennyur balas surat beta ini, boleh beta sembahkan kepada raja beta...

Surat Raja Kimaleha Salahak Abdul Khadir Ibn Syahbuddin di Anbom kepada Gabenor Syarikat Hindia Timur pada 23 Mei 1658.

Jikalau ditolong Allah maka dapat beroleh tanah Ambon kembali pada tangan kami. Maka kami memberi belanja dari Kompanyi lima ratus bahara. Insyallah jangan cinta tolongkan juga...

Dalam contoh petikan warkah pertama, modaliti *boleh* memperlihatkan makna informasi keupayaan daripada wakil bagi Raja Kelantan, iaitu saudagar Rahsia Raja Kelantan. Beliau menyatakan kemampuannya membantu Francis Light mendapatkan harga lada yang lebih rendah daripada Raja Kelantan sekiranya Light bersetuju untuk menjalinkan hubungan perdagangan seterusnya membalas surat itu. Penggunaan modaliti *boleh* dalam konteks ayat tersebut memperlihatkan kuasa yang dimiliki oleh saudagar itu terhad untuk membuat keputusan berbanding dengan kuasa oleh Raja Kelantan dan Light. Ab. Razak Ab. Karim (2006, p. 116) menegaskan bahawa segala keterbatasan kuasa oleh pembesar atau wakil disebabkan wujudnya kuasa tersembunyi, iaitu golongan sultan. Segala pelaksanaan tindakan atau tugas mereka adalah bagi pihak sultan samata-mata. Oleh itu, frasa kerja *tolong bicarakan* dan *sembahkan kepada raja beta* selepas modaliti *boleh* menandakan bahawa adanya kuasa tersembunyi yang lebih tinggi dan berhak untuk membuat keputusan itu, iaitu Raja Kelantan. Tindakan saudagar tersebut juga ada dibahaskan oleh Hodge & Kress (1993, p. 123), iaitu “*If the speaker’s own power is low, relative to that of the addressee, he or she may be formed to declare the source of his or her authority*”.

Modaliti *dapat* pula dimanfaatkan untuk menggambarkan pernyataan yang menyerlahkan sudut pandangan pengirim terhadap keupayaannya dan pihak-pihak yang berkaitan dengan kandungan yang diperkatakan. Sebagai contoh dalam warkah kedua, modaliti *dapat* memperlihatkan pandangan peribadi Raja Kimaleha yang bersikap yakin terhadap keupayaan dan kemampuannya untuk mendapatkan Ambon kembali daripada Belanda sekiranya mendapat pertolongan daripada Allah. Selaku ketua negeri dan payung rakyat, baginda bijak memainkan peranan menyemai keyakinan terhadap keupayaan diri baginda dan rakyat untuk bangkit mengembalikan kedaulatan tanah air mereka.

### *Keizinan*

Komponen *boleh* juga menyerlahkan sikap pengirim terhadap makna ujaran pernyataan yang menjurus keizinan. Seperti yang diperkatakan oleh Tan (1992, p. 974), selain komponen makna keupayaan, modaliti *boleh* juga mempunyai komponen makna keizinan (*permission*). Dalam warkah sosial ini, modaliti *boleh* dan bentuk variasinya *boleh* dan *tiada boleh*

menyalurkan sikap atau pendirian pengirim terhadap pernyataan keizinannya bagi perkara politik, ekonomi, perdagangan dan peribadi. Komponen makna keizinan menggambarkan kekuasaan pengirim membuat sebarang persetujuan atau perkenan terhadap perkara yang diperkatakan bagi kepentingan pihak-pihak tertentu.

Dalam konteks kesultanan Melayu, konsep keizinan atau perkenan merupakan pengungkapan ujaran yang sangat berkuasa daripada golongan pemerintah khususnya, golongan raja. Secara umumnya, kuat atau lemah seseorang raja, menurut sejarah, pentadbiran kerajaan dilaksanakan dengan perkenan baginda. Hal ini menunjukkan perkenan raja begitu penting dalam organisasi pentadbiran (Shamrahayu A. Aziz, 2012, p. 2). Oleh itu, setiap tindakan dan keputusan golongan diperintah juga mesti mendapat perkenan dan restu sultan. Jika tidak, mereka dianggap derhaka dan akan diperangi oleh sultan dan pembesar-pembesar. Dengan itu, penurunan modaliti *boleh* keizinan dalam warkah Melayu membayangkan bentuk ketegasan, diplomasi dan keterbukaan golongan pemerintah terhadap jalan perhubungan sosial. Yang berikut beberapa contoh penggunaan modaliti *boleh* yang merujuk makna keizinan.

Surat Tunku Baginda Raja Mahkota di Anak Sungai kepada Orang Kaya Jeneral (J.C. Collet) di Bengkulu pada 1712.

...adapun perjanjian Tunku Sultan Muhammad Syah serta Tunku Baginda Raja Makota dengan Gompeni lalu pada negeri hingga Inderapura datang kepada Seblat dengan Ketaun diberikan oleh Tunku Sultan Muhammad Syah serta Tunku Baginda Raja Makota kepada Kompeni akan tempatnya berniaga tiada boleh berniaga dengan orang yang luar daripada gompeni Inggeris anya Gompeni tiada memeru usul negeri atau biaya negeri ini anya apatah utang Gompeni berbelanja masuk seribu kapal habis harta Gompeni akan belanja negeri ini tiada menjadi utang oleh segala besyar dalam negeri ini anya...

Surat Saudagar Rahsia Raja Kelantan kepada Gubernur Pulau Pinang pada 23 Jamadilawal 1209.

Maka jadilah raja beta suruh memberi surat akan Tuan sennyur minta kapal mari berniaga ke dalam Kelantan ini tiap<sup>2</sup> tahun maka boleh beta tolong bicarakan seperti keadaan di negeri Trengganu itu karena negeri Kelantan dengan Trengganu itu tiada berapa jauh sehari pelayaran kapal. Boleh Tuan Sennyur periksa segala orang yang bawa surat beta ini akan perintah dagangan negeri Kelantan ini...

Dalam petikan warkah pertama di atas, modaliti *boleh* oleh pengirim memerihalkan makna pernyataan secara nafian kepada Orang Kaya J.C. Collet. Modaliti tersebut bertujuan untuk menyatakan bahawa Tunku Sultan Muhammad Syah dan Tunku Raja Makota tidak memperkenankan bagi Seblat dan Ketaun menjalinkan hubungan perdagangan selain pihak EIC sendiri. Oleh itu, ketinggian kuasa dan kedudukan oleh pengirim, yakni Raja Makota, menentukan penggunaan modaliti *boleh* yang mendukung keizinan ini dipatuhi dan diukur

oleh sasaran dengan sebaik-baiknya. Hal ini bertitik tolak daripada pernyataan kuasa raja yang bersifat mutlak, kuasa yang tidak boleh dipersoal atau dibantah oleh golongan diperintah, yakni oleh Seblat dan Ketaun demi keharmonian hubungan antara individu dan kuasa besar Inggeris.

Kebiasaannya, pengirim mempunyai autoriti atau diberikan autoriti mengadakan persetujuan untuk membenarkan sebarang perkara yang melibatkan kepentingan hala tuju sesebuah negara. Misalnya dalam contoh petikan warkah kedua, penggunaan modaliti *boleh* oleh Saudagar Rahsia Raja Kelantan berperanan untuk memberikan persetujuan keizinan atau kebenaran kepada Francis Light meneliti kesahihan kandungan surat atau perintah dagangan melalui pembawa surat ini. Hal ini berkaitan dengan hasrat Raja Kelantan dalam ayat awalnya yang berkenan untuk mengamalkan dasar buka pintu kepada pihak Inggeris dan Light dalam hubungan perdagangan dengan Kelantan.

## KESIMPULAN

Pemanfaatan nahu modaliti menyerlahkan tanggapan atau gagasan pengirim terhadap pernyataannya. Modaliti menghubungkan sikap pengirim terhadap hubungan sosial yang ingin diwujudkan antara pemeran meliputi aspek politik, ekonomi, perdagangan dan peribadi. Modaliti memperlihatkan cara pengirim mengekspresikan suasana atau sikap terhadap sesuatu yang dibangkitkan dalam kandungan sebagai ujaran yang perlu diberikan perhatian atau tindakan susulan oleh penerima warkah. Fungsi utamanya sebagai perintah dan informasi daripada pengirim kepada sasarannya juga menggambarkan cara sebenar interaksi antara pihak yang berkenaan. Modaliti sebagai mekanisme interpersonal untuk mempamerkan kemahuan atau kepentingan bagi pengirim warkah menerusi ujarannya. Kemahuan itu pula menyerlahkan peranan modaliti yang bersangkutan dengan usaha pengirim mengekspresikan hubungan dan kekuasaan terhadap khalayaknya.

## RUJUKAN

- Ab. Razak Ab. Karim. (2006c). *Warkah Melayu lama*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Zakaria. (2008). Sejarah Malaysia: sorotan masa lalu, iktibar hari ini dan akan datang. *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia*, 1-23.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir (5<sup>th</sup>.ed.)*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fairclough, N. . (1992). *Discourse and social change*. United Kingdom, England: Polity Press.
- Fairclough, N. . (1995). *Media discourse*. London, England: Edward Arnold.
- Fowler, R. . (1985). Power. In Van Dijk, T.A (ed.). *Handbook of Discourse Analysis: discourse analysis in society (4<sup>th</sup> vol.)*. (pp: 61-80). Orlando, United States of America: Academic Press.
- Gallop, A.T. . (1991). *Golden letter: writing traditions of Indonesia*. London, England: The British Library.
- Gallop, A. T. . (1994). *The legacy of Malay letter*. London, England: The British Library.
- Hall, D. G. E. . (1979). *Sejarah Asia Tenggara (2<sup>nd</sup> ed.)*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Halliday, M.A.K. . (1985). *An introduction to functional grammar (2<sup>nd</sup> ed.)*. United Kingdom, England: Edward Arnold.
- Hodge, K. & Kress, G. (1993). *Language a ideology (2<sup>nd</sup> ed.)*. London, England: Routledge.
- Idris Aman. (2006). *Analisis wacana Mahathir Mohamad*. Bangi, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Aman. (2010). *Analisis wacana*. Bangi, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jelani Harun. (2017). *Zainal Abidin III*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus dewan (4<sup>th</sup> ed.)*. (2005). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim et al. (2008). *Tatabahasa dewan (3rd. ed)*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Palmer, F. R. (1986). *Mood and modality*. Cambridge, England: Cambridge University Press.
- Rohaidah Haron. (2012). *Bahasa dan identiti: analisis wacana Umno Najib Razak*. (unpublished doctoral's dissertation). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Shamrahayu A. Aziz. (2012, Julai) *Di antara sejarah dan tuntutan semasa*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Perlembagaan Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Simpson, P. . (1993). *Language, ideology and point of view*. London, England: Routledge.
- Tan Joo Seng. (1992). Kajian awal mengenai modaliti dalam bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*. 10, 969-976.